

02/05/2000

Perubahan budaya mampu bentuk Melayu Baru

Hasliza Hassan

KUALA LUMPUR, Isnin - Budaya Melayu perlu melalui proses perubahan bagi membentuk satu budaya baru yang dapat memastikan keupayaan orang Melayu berhadapan dengan suasana dunia yang berubah.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwah Pelajar, Universiti Kebangsaan Bangi (UKM), Prof Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh berkata, proses pembentukan Melayu Baru itu dapat dilaksanakan melalui pendidikan, perhubungan masyarakat dan pembudayaan peringkat demi peringkat.

"Budaya Melayu Baru adalah campuran tradisi budaya lama dengan teknologi maklumat terkini yang sesuai untuk abad 21. Proses pembudayaan ini bertitik tolak dengan memperbaharui pemikiran bangsa Melayu sendiri.

"Bagi menghasilkan budaya baru ini, usaha perlu bermula dari peringkat sekolah rendah, menengah dan di universiti menerusi bidang khusus seperti pelajaran sivik atau pengajian tamadun budaya Asia," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika merasmikan Simposium Jati Diri Melayu Abad 21, Sabtu lalu.

Perdana Menteri berkata, bangsa Melayu perlu membentuk satu budaya baru untuk menangkis pengaruh tidak sihat dan pada masa yang sama memastikan identiti kemelayuan tidak hilang.

Beliau berkata, ciri Melayu baru ialah mereka yang terpelajar, bersemangat, berani menghadapi cabaran dan pegangan kepada Islam tidak terhad kepada rupa bentuk tetapi kepada nilai Islam seperti amanah, ikhlas dan berfikiran waras.

Dr Wan Hashim berkata, Melayu Baru bukan satu budaya yang baru dicipta tetapi ia kesinambungan daripada Dasar Ekonomi Baru (DEB) bertujuan mengelakkan orang Melayu daripada ketinggalan dalam arus perubahan.

"Ia adalah penerusan yang akan terus diperkatakan supaya orang Melayu sentiasa bersedia kerana kita mempunyai nilai budaya dan kini masanya untuk mempertingkatkan budaya itu dalam menghadapi cabaran alaf baru," katanya.

Katanya lagi, nilai budaya yang baik dan sesuai untuk zaman sekarang perlu diteguhkan sementara nilai agama yang dipadankan dengan perubahan masa perlu diserapkan.

Pensyarah Jabatan Sosiologi dan Antropologi Universiti Malaya (UM), Prof Dr Fatimah Daud berkata, keperluan kepada budaya baru tidak bermakna bangsa Melayu perlu melupakan budaya lama yang menjadi pegangan mereka selama ini.

Sebaliknya, pembudayaan itu lebih kepada menilai arah pembentukan budaya sama ada positif atau negatif kerana budaya bersifat dinamik dan berubah mengikut peredaran masa.

"Budaya tidak statik dan oleh itu tidak salah memajukan diri terutama dalam bidang teknologi maklumat yang semakin canggih. Tetapi perlu lihat ilmu apa yang kita contohi, apakah membawa kebaikan atau memudaratkan," katanya.

Dr Fatimah berkata, masyarakat bertanggungjawab mempertahankan nilai budaya yang menghadapi gangguan akibat pertembungan pelbagai unsur menerusi limpahan maklumat dan teknologi terkini.

"Pencapaian tinggi dalam bidang teknologi maklumat tidak bermakna bangsa kita sudah maju sekiranya tidak digunakan dengan betul. Jangan nanti lebih banyak unsur negatif yang diterima berbanding positif," katanya.

Bagi tokoh budayawan, Azah Aziz, pembentukan satu budaya Melayu baru

adalah langkah mengekalkan dan memperbaharui kebudayaan sedia ada bagi menghadapi perubahan dunia.

"Kita tidak hidup dalam hampagas (vakum), kita berinteraksi dengan orang lain dan kita perlu bersedia berhadapan dengan mereka serta pembaharuan yang di bawa bersama," katanya.

Beliau berkata, kerajaan mampu membawa bangsa Melayu membentuk budaya baru tetapi ia perlu mendapat sokongan serta kerjasama semua pihak.

"Jangan harapkan orang saja buat untuk kita. Masyarakat perlu bersedia memberi kerjasama dan terus berjuang bagi memastikan nilai budaya kita terus dipertingkatkan," katanya.

Sementara itu, pelayar negara, Datuk Azhar Mansor berkata, budaya perlu dibawa dengan penuh penghayatan supaya unsur negatif dapat dikikis dan diganti dengan yang lebih positif.

Beliau berkata, budaya Melayu Baru bukan bertujuan melupakan tradisi lama tetapi memperbaiki budaya negatif yang ada dan mempertingkatkan budaya yang diamalkan selama ini.

"Dalam kehidupan kita terdapat budaya negatif yang boleh menggugat kemajuan bangsa dan jika kita terus ditakutkan dengan budaya negatif itu kita tidak akan maju ke hadapan," katanya.

Beliau berkata, keikhlasan dan kejujuran adalah unsur penting perlu diserapkan dalam pembentukan budaya baru itu.

"Bagi saya jati diri Melayu Abad 21 ialah ikhlas kepada diri sendiri seperti yang ditekankan oleh pemimpin dan ahli agama kerana dengan keikhlasan, secara automatik segala kebaikan akan lahir dalam diri," katanya.

Mengenai kemampuan kerajaan melaksanakan tanggungjawab melahirkan Melayu Baru, Azhar berkata, pembudayaan itu proses berterusan dan kerajaan mempunyai arah yang jelas mengenainya.

"Kita tidak perlu pertikaikan kemampuan atau hasil yang dicapai oleh kerajaan kerana tidak dinafikan kita sudah nampak kemajuan yang dinikmati negara kini.

"Persoalannya, adakah setiap individu sedar serta menerapkan nilai baru lebih positif dalam memperbaiki kedudukan dan budaya kita sekarang. Yang penting ialah apa yang kaki, akal dan hati kita kata perlu seragam," katanya.

(END)